



PANDUAN CUKAI PERKHIDMATAN

PERKHIDMATAN PENGURUSAN

Diterbitkan oleh :

**Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Bahagian Cukai Dalam Negeri
Putrajaya**

1 Oktober 2020

Penerbitan

Tarikh diterbitkan : 1 Oktober 2020

Panduan ini menggantikan panduan yang diterbitkan pada 25 Ogos 2018.

Notis Hak Cipta

Hak cipta 2018 Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Hak cipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hak Cipta, 1987 (Malaysia).

Panduan ini boleh ditarik balik, sama ada keseluruhannya atau sebahagian daripadanya dengan terbitnya suatu panduan baru.

Tiada bahagian daripada penerbitan ini dibenarkan untuk diterbitkan semula, disimpan di dalam sistem perolehan kembali atau dipanjangkan dalam apa jua bentuk termasuk di dalam laman web untuk tujuan komersial tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Dalam penghasilan semula atau pemetikan kandungan, perakuan sumber adalah diperlukan.

Penafian

Maklumat ini bertujuan untuk memberikan pemahaman umum mengenai layanan yang berkaitan di bawah Cukai Perkhidmatan dan bertujuan untuk memberikan pemahaman umum tentang kewajipan pembayar cukai. Ia tidak bertujuan untuk mengatasi semua masalah cukai yang mungkin timbul secara komprehensif. Walaupun JKDM telah mengambil inisiatif untuk memastikan bahawa semua maklumat yang terkandung di dalam panduan ini adalah betul, JKDM tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan dan ketidaktepatan yang mungkin terkandung, atau apa-apa kerugian kewangan atau lain-lain yang dilakukan oleh individu menggunakan maklumat dari panduan ini. Semua maklumat adalah terkini semasa penyediaannya dan tertakluk kepada perubahan apabila perlu.

KANDUNGAN

PENGENALAN	1
OPERASI UMUM INDUSTRI.....	1
Skop Perkhidmatan Pengurusan	1
Perkhidmatan Pengurusan Bercukai.....	2
Perkhidmatan Pengurusan Tidak Bercukai	10
PERAKAUNAN CUKAI PERKHIDMATAN UNTUK PERKHIDMATAN PENGURUSAN.....	14
PENDAFTARAN DAN TANGGUNGJAWAB ORANG BERDAFTAR	14
SOALAN LAZIM	16
PERTANYAAN	19

PENGENALAN

1. Cukai Perkhidmatan adalah cukai kepenggunaan yang ditadbir di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dan perundangan subsidiarinya. Tarikh kuat kuasa Akta Cukai Perkhidmatan 2018 adalah 1 September 2018.
2. Cukai perkhidmatan dikenakan ke atas perkhidmatan yang ditetapkan iaitu "perkhidmatan bercukai".
3. Seseorang yang menyediakan perkhidmatan bercukai melebihi nilai ambang yang ditetapkan dikehendaki berdaftar di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dan dikenali sebagai "orang berdaftar".
4. Penyediaan perkhidmatan pengurusan adalah diperuntukkan di bawah Butiran 9, Kumpulan G, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018.
5. Panduan ini mengambilkira pindaan dan penerangan lebih lanjut berkenaan perkhidmatan pengurusan mengikut Peraturan Cukai Perkhidmatan (Pindaan) (No. 3) 2018 P.U.(A) 398 berkuat kuasa 1 Januari 2019 dan Peraturan Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2019 P.U.(A) 232 berkuat kuasa 1 September 2019.
6. Panduan ini disediakan untuk membantu perniagaan dalam memahami perkara-perkara berkaitan dengan layanan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan pengurusan.

OPERASI UMUM INDUSTRI

Skop Perkhidmatan Pengurusan

7. Tarikh penguatkuasaan cukai perkhidmatan bagi perkhidmatan pengurusan adalah pada 1 September 2018.
8. Mana-mana orang yang memberikan perkhidmatan pengurusan adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan di bawah Butiran 9, ruang (1), Kumpulan G, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018.

9. Pindaan juga telah dibuat bagi memperjelaskan lagi aktiviti-aktiviti dalam kategori perkhidmatan pengurusan dan pindaan tersebut berkuat kuasa mulai 1 Januari 2019. Pindaan ini tidak memberi apa-apa kesan kepada liabiliti penyedia perkhidmatan untuk mematuhi semua peruntukan perundangan di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 yang berkuatkuasa mulai 1 September 2018.

10. Perkhidmatan pengurusan meliputi pengaturan dan penyelarasan apa-apa aktiviti dalam menyediakan perkhidmatan kepada pelanggan dan perkhidmatan ini tidak dikategorikan di bawah sebarang perkhidmatan bercukai spesifik (iaitu perkhidmatan yang ditetapkan). Aktiviti-aktiviti ini terdiri daripada penganjuran, penyeliaan, pemantauan, perancangan, pengawalan dan pengarahannya pelbagai sumber seperti sumber manusia, kewangan, teknologi, fizikal dan lain-lain.

11. Perjanjian kontrak bertulis menyatakan penyediaan perkhidmatan pengurusan antara seseorang dan kliennya akan menjadi petunjuk untuk menentukan sama ada perkhidmatan yang disediakan oleh orang tersebut boleh diklasifikasikan sebagai perkhidmatan pengurusan atau tidak. Walau bagaimanapun, dalam kes-kes di mana tidak terdapat persetujuan berkontrak, penyediaan perkhidmatan ini juga boleh dianggap sebagai perkhidmatan pengurusan jika perkhidmatan tersebut termasuk di bawah takrif di perenggan 10.

PENGENAAN CUKAI PERKHIDMATAN

PERKHIDMATAN PENGURUSAN BERCUKAI

12. Mana-mana orang yang memberi perkhidmatan pengurusan adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Perkhidmatan pengurusan yang bercukai termasuklah;

- (a) Perkhidmatan pengurusan projek, sepenuhnya atau sebahagian daripada projek;

Syarikat yang menjalankan pengurusan sesuatu projek sepenuhnya atau sebahagiannya dan mungkin melibatkan pihak ketiga dalam melaksanakan projek tersebut.

Contoh 1

ABC Sdn Bhd mendapat kontrak pembinaan kompleks membeli belah dari Kaya Berhad. Bagi memastikan projek berjalan seperti yang dirancang, Kaya Berhad melantik Khan Sdn Bhd untuk memantau projek berkenaan. Khan Sdn Bhd akan mengenakan caj pengurusan projek kepada Kaya Berhad yang tertakluk kepada kenaan cukai perkhidmatan.

Contoh 2

JM Sdn Bhd mendapat kontrak pembinaan kompleks membeli belah dengan V Berhad. Bagi memastikan projek berjalan seperti yang dirancang, JM Sdn Bhd melantik SG Sdn Bhd untuk memantau projek berkenaan. SG akan mengenakan caj pengurusan projek yang tertakluk kepada cukai perkhidmatan kepada Syarikat JM.

Contoh 3

Syarikat A melantik Syarikat B untuk satu projek pembinaan. Syarikat B seterusnya melantik satu konsortium bagi menjalankan projek pembinaan tersebut. Syarikat B adalah memberikan perkhidmatan pembinaan kepada Syarikat A dan tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Manakala pihak konsortium yang memberikan perkhidmatan pembinaan juga tidak tertakluk kepada perkhidmatan bercukai.

(b) Perkhidmatan pengurusan pelancongan;

Perkhidmatan pengurusan pelancongan tidak lagi tertakluk kepada cukai perkhidmatan bermula 1 September 2019.

(c) Perkhidmatan pengurusan logistik;

Sila rujuk Panduan Perkhidmatan Penghantar Fret.

Perkhidmatan pengurusan logistik tidak lagi tertakluk kepada cukai perkhidmatan bermula 1 September 2019.

(d) Perkhidmatan pengurusan penyenggaraan;

Perkhidmatan pengurusan penyenggaraan yang tertakluk kepada cukai perkhidmatan adalah perkhidmatan pengurusan ke atas barang, bangunan atau tanah milik pelanggan.

Contoh 4

Mega Shopping Kompleks dimiliki oleh Kayaraya Sdn Bhd. Kayaraya Sdn Bhd melantik Building Maintenance Sdn Bhd untuk menguruskan perkhidmatan penyenggaraan pusat membeli belah tersebut. Perkhidmatan pengurusan penyenggaraan bangunan yang disediakan oleh Building Maintenance Sdn Bhd kepada Kayaraya Sdn Bhd adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Contoh 5

Kayaraya Sdn Bhd pemilik Kompleks Vaganza menyewakan lot-lot kedai dan mengenakan sewa serta caj bulanan kepada penyewa untuk tujuan penyenggaraan lot-lot yang disewakan. Caj bulanan tersebut tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan kerana Kayaraya Sdn Bhd mengurus dan menyenggara asetnya sendiri serta tidak memberikan perkhidmatan pengurusan penyenggaraan.

Contoh 6

Up Sky Sdn Bhd (US) membekalkan lif kepada pelanggannya dan US menandatangani kontrak secara berasingan untuk menyediakan perkhidmatan penyenggaraan lif tersebut untuk tempoh 2 tahun. Bagi memastikan lif sentiasa berada dalam keadaan baik, US telah menugaskan kakitangannya untuk memantau dan membuat pemeriksaan berkala bagi memastikan lif dalam keadaan baik. Perkhidmatan yang disediakan oleh US merupakan pengurusan penyenggaraan dan tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Contoh 7

Repair Aircon Sdn Bhd (RA) menyediakan perkhidmatan penyenggaraan alat penghawa dingin kepada:

- a) Pelanggan A;*
- b) Pelanggan B; dan*
- c) Pelanggan C.*

Pelanggan A hanya memanggil RA untuk tujuan penyenggaraan dan pembaikan bila perlu sahaja. Perkhidmatan ini merupakan perkhidmatan penyenggaraan pembetulan (corrective maintenance) yang tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Pelanggan B mempunyai kontrak penyenggaraan dengan RA secara berasingan untuk memantau dan menyenggara alat penghawa dingin secara berkala. Perkhidmatan pemantauan dan penyenggaraan ini tertakluk kepada cukai perkhidmatan di bawah perkhidmatan pengurusan penyenggaraan.

Pelanggan C mempunyai kontrak dengan RA untuk memantau dan menyenggara serta mengganti peralatan/komponen alat penghawa dingin di premis. RA akan membuat pemeriksaan berkala tanpa perlu dipanggil dan juga membuat penukaran alat ganti sekiranya perlu. Kedua-dua perkhidmatan yang diberikan oleh RA adalah tertakluk

kepada cukai perkhidmatan di bawah perkhidmatan pengurusan penyenggaraan. Sekiranya perkhidmatan dan nilai alat ganti tidak diasingkan di dalam invoice keseluruhan nilai adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Contoh 8

Kilang Hoo melakukan sendiri penyenggaraan pencegahan (preventive maintenance) seperti yang disarankan oleh pengeluar alat penghawa dingin. Ini bagi memastikan alat tersebut beroperasi tanpa sebarang kemerosotan prestasi (performance downturn).

Namun demikian, dalam waktu yang sama, Kilang Hoo menandatangani kontrak dengan melantik RA sebagai pemberi perkhidmatan penyenggaraan alat penghawa dingin. Kilang Hoo akan memanggil RA untuk menyenggara alat penghawa dingin di premisnya apabila diperlukan sahaja. Perkhidmatan penyenggaraan yang diberikan oleh RA tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan kerana pemantauan ke atas alat penghawa dingin tidak dilakukan oleh RA sebaliknya dilakukan sendiri oleh pemilik (Kilang Hoo).

Contoh 9

IT Kencana Sdn Bhd mendapat kontrak penyenggaraan sistem teknologi maklumat untuk Labuci Sdn Bhd. Kontrak penyenggaraan ini merangkumi kerja-kerja berkaitan penyenggaraan perisian dan perkakasan sistem teknologi maklumat Syarikat Labuci Sdn Bhd. Kontrak ini adalah kontrak yang tertakluk kepada cukai perkhidmatan di bawah perkhidmatan pengurusan penyenggaraan.

Sekiranya terdapat kerja-kerja penyenggaraan ke atas perisian sahaja, ia tertakluk kepada cukai perkhidmatan di bawah perkhidmatan bercukai perkhidmatan teknologi maklumat. Manakala sekiranya terdapat kerja-kerja pembaikan yang hanya dilakukan ke

atas perkakasan, ia bukanlah suatu perkhidmatan bercukai di bawah perkhidmatan teknologi maklumat dan tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Walau bagaimanapun, sekiranya Labuci memberi kontrak penyenggaraan pencegahan selama 2 tahun kepada IT Kencana, perkhidmatan pengurusan penyenggaraan oleh IT Kencana untuk perisian dan perkakasan adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan di bawah perkhidmatan pengurusan penyenggaraan.

(e) Perkhidmatan pengurusan penggudangan;

Perkhidmatan yang disediakan oleh syarikat gudang yang menguruskan aktiviti penggudangan seperti keluar masuk barang, penyimpanan barang, pembungkusan semula, kawalan keselamatan, pengangkutan barangan pelanggannya dan lain-lain. Sila rujuk Panduan Pengurusan Penggudangan untuk maklumat lanjut.

(f) Perkhidmatan pengurusan kutipan hutang;

Syarikat yang menyediakan perkhidmatan pengurusan kutipan hutang dan penerimaan (*receivables*) bagi pihak pemiutang. Syarikat biasanya akan diberi komisen apabila penghutang membayar hutang atas usaha syarikat dalam mendapatkan hutang tersebut.

Contoh 10

Zero Debt Sdn Bhd (ZDSB) menyediakan perkhidmatan pengurusan kutipan hutang bagi memastikan peminjam bank membayar hutang mereka. Semua hutang yang dikutip akan dibuat oleh ZDSB dan seterusnya ZDSB akan membuat bayaran kepada pihak bank. Bank akan membayar 10% komisen kepada ZDSB atas setiap pembayaran semula hutang yang dijelaskan. Perkhidmatan yang disediakan oleh ZDSB kepada bank adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Contoh 11

Debt Reminder (DR) dilantik oleh Syarikat Telekomunikasi untuk menggesa pengguna membayar bil perkhidmatan telekomunikasi yang tertunggak. DR menghubungi pengguna melalui telefon dan menghantar notis kepada pengguna berkenaan untuk membayar tunggakan kepada Syarikat Telekomunikasi. Perkhidmatan oleh DR kepada Syarikat Telekomunikasi tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan kerana perkhidmatan gesaan bukan perkhidmatan bercukai.

(g) Perkhidmatan pengurusan tempat letak kereta;

Syarikat yang menguruskan tempat letak kereta milik entiti lain dan mendapat komisen dari hasil yang diperolehi atau mendapat komisen tetap secara bulanan dari pemilik tempat letak kereta.

Contoh 12

KLDD merupakan kompleks membeli belah yang besar di Kuala Lumpur. Oleh kerana pelanggan yang ramai dan tempat letak kereta yang besar di kompleks tersebut, KLDD telah melantik Parking United Sdn Bhd untuk menguruskan tempat letak kereta tersebut. Sebagai balasan, Parking United akan menerima 20% dari pendapatan yang diperolehi. Perkhidmatan yang disediakan oleh Parking United kepada KLDD adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Contoh 13

Pihak berkuasa tempatan (PBT) mempunyai lot tempat letak kereta dan melantik Laling Sdn Bhd untuk menguruskan tempat letak kereta tersebut. Resit yang dikeluarkan adalah atas nama PBT. Sebagai balasan, Laling akan menerima 20% dari pendapatan yang diperolehi. Perkhidmatan yang disediakan oleh Laling kepada PBT

adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan di bawah perkhidmatan pengurusan.

(h) Perkhidmatan pengurusan kemudahan sukan;

Pihak yang dilantik dan diberi kepercayaan untuk menguruskan kemudahan sukan seperti kompleks sukan, stadium, gelanggang pertandingan, peralatan sukan dan lain-lain.

Contoh 14

Sport Centre Sdn Bhd telah dilantik untuk menguruskan stadium milik Kerajaan. Sport Centre akan mengenakan caj perkhidmatan kepada Kerajaan ke atas pengurusan stadium tersebut. Perkhidmatan yang disediakan oleh Sport Centre kepada Kerajaan adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan di bawah perkhidmatan pengurusan.

(i) Perkhidmatan pengurusan kesetiausahaan

Contoh 15

Secretarial Co Sdn Bhd menyediakan perkhidmatan pengurusan termasuk perakaunan, kesetiausahaan dan lain-lain kepada pelanggan. Syarikat ini adalah menjalankan perkhidmatan pengurusan kesetiausahaan dan tertakluk kepada Akta Cukai Perkhidmatan 2018.

(j) apa-apa perkhidmatan pengurusan selain yang dinyatakan dalam (a) hingga (i) yang dibuat bagi pihak orang lain,.

Contoh 16

Power Sdn Bhd melantik Training Management untuk menguruskan program latihan kepada kakitangannya. Training Management akan menguruskan proses tersebut dengan menyediakan lokasi, modul latihan dan menguruskan konsultan latihan. Training Management akan mengenakan caj pengurusan latihan kepada Power Sdn Bhd. Caj pengurusan latihan tersebut adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Contoh 17

Event Manager Sdn Bhd telah diminta oleh sebuah syarikat untuk menguruskan satu majlis di sebuah hotel. Event Manager Sdn Bhd menguruskan beberapa perkhidmatan dari beberapa pihak termasuk hotel untuk sewaan dewan dan penyediaan makan minum, Entertainment Co untuk hiburan, Sound Effect Co untuk memastikan semua alat pendengaran dalam keadaan baik, dan artis yang akan membuat persembahan. Dalam keadaan ini Event Manager Sdn Bhd telah menjalankan perkhidmatan pengurusan dan tertakluk kepada Akta Cukai Perkhidmatan 2018.

Contoh 18

Shipper Management Sdn Bhd telah dilantik untuk menguruskan sebuah kapal mewah persendirian yang akan berlabuh di perairan Malaysia. Shipper Management Sdn Bhd akan mengenakan caj perkhidmatan ke atas pengurusan pelabuhan, pengurusan logistik, pengurusan katering dan sebagainya kepada pemilik kapal. Caj perkhidmatan ini tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan kerana perkhidmatan pengurusan pengangkutan adalah perkhidmatan yang tidak bercukai.

Contoh 19

Pihak berkuasa tempatan (PBT) melantik Syarikat WES untuk menguruskan aktiviti pengutipan dan pembuangan sampah di kawasan mereka. Syarikat WES melantik beberapa syarikat pengutip dan pembuangan sampah untuk menjalankan perkhidmatan mengutip dan membuang sampah di kawasan tersebut. Perkhidmatan mengutip dan membuang sampah oleh syarikat-syarikat ini adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Perkhidmatan Syarikat WES kepada PBT juga bukan perkhidmatan bercukai dan tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Perkhidmatan Pengurusan Tidak Bercukai

13. Perkhidmatan pengurusan berikut adalah tidak tertakluk kepada Cukai Perkhidmatan :

- (a) Perkhidmatan pengurusan berkaitan tanah atau bangunan semata-mata bagi kegunaan kediaman yang disediakan oleh pemaju, badan pengurusan bersama, perbadanan pengurusan atau persatuan kediaman;
- (b) Perkhidmatan pengurusan yang diberikan oleh mana-mana orang yang dilesenkan atau didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia untuk menjalankan aktiviti terkawal pengurusan kumpulan wang di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [Akta 671];
- (c) Perkhidmatan pengurusan yang diberikan oleh mana-mana orang, agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan atau badan berkanun bagi maksud, perkhidmatan keagamaan, kebajikan, perkabungan, perkuburan, tanah perkuburan, pembakaran mayat, pembentungan, pembekalan air, kesihatan, pengangkutan, pelancongan atau logistik;

- (d) Perkhidmatan pengurusan yang berkaitan barang atau tanah yang terletak di luar Malaysia atau perkara lain di luar Malaysia; dan
- (e) Penyediaan perkhidmatan pengurusan kepada syarikat dalam kumpulan yang sama (sila rujuk Para 1-8, Jadual Pertama Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018).

PENGECUALIAN DARIPADA PEMBAYARAN CUKAI PERKHIDMATAN [PENGECUALIAN DIANTARA PERNIAGAAN (B2B EXEMPTION)]

14. Bermula 1 Januari 2019, penyedia perkhidmatan di bawah Kumpulan G (tidak termasuk Butiran 10 dan 11), diberikan pengecualian daripada membayar cukai perkhidmatan sekiranya mereka memberikan perkhidmatan yang sama kepada pelanggannya seperti mana yang diterima. Pengecualian ini boleh digunakan tertakluk kepada syarat-syarat berikut seperti yang dinyatakan di bawah Butiran 1, Jadual, Perintah Cukai Perkhidmatan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Membayar Cukai) 2018:

- 14.1. Perkhidmatan yang dikecualikan adalah perkhidmatan di bawah Kumpulan G (kecuali di bawah butiran j dan k);
- 14.2. Penyedia perkhidmatan di bawah pengecualian ini adalah orang berdaftar;
- 14.3. Perkhidmatan bercukai yang dikecualikan adalah perkhidmatan yang sama yang diberikan oleh orang yang dikecualikan daripada membayar cukai.

Contoh 20

Pengurusan Bersama Altar Sdn Bhd (PBA) mengenakan caj perkhidmatan pengurusan fasiliti kepada penyewa dan juga pemilik kedai di bangunan Wisma Altar. PBA akan mengenakan cukai perkhidmatan kepada pelanggannya.

Di dalam menyediakan perkhidmatan ini, PBA telah melantik suatu syarikat lain iaitu Tengah Sdn Bhd (Tengah) untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan fasiliti ini di Wisma Altar. Kesemua perkhidmatan pengurusan fasiliti di Wisma Altar sebenarnya diberikan oleh syarikat Tengah.

Syarikat Tengah tidak perlu mengenakan cukai perkhidmatan kepada PBA kerana PBA menyediakan perkhidmatan yang sama dengan Syarikat Tengah.

TANGGUNGJAWAB ORANG BERDAFTAR DI BAWAH PENGECUALIAN ANTARA PERNIAGAAN (B2B EXEMPTION)

15. Mana-mana orang berdaftar di bawah kategori pengecualian antara perniagaan yang telah memberikan perkhidmatan bercukai kepada mana-mana orang yang layak dikecualikan adalah perlu untuk melakukan perkara-perkara berikut:

15.1. Mengeluarkan invois dengan butiran tambahan seperti berikut:

- i. Nama dan alamat pelanggan;
- ii. Nombor pendaftaran cukai perkhidmatan pelanggan;
- iii. Nilai perkhidmatan bercukai yang dikecualikan

15.2. Pengikraran nilai perkhidmatan bercukai yang dikecualikan:

Mengikrarkan nilai perkhidmatan bercukai yang dikecualikan tersebut di bawah ruang 18 (c) di dalam borang SST-02.

PENENTUAN NILAI YANG DIKENAKAN CUKAI PERKHIDMATAN

16. Nilai yang perlu dikenakan cukai ke atas perkhidmatan pengurusan adalah nilai sebenar perkhidmatan yang disediakan seperti berikut:

16.1. Sekiranya perkhidmatan pengurusan disediakan oleh penyedia perkhidmatan, jumlah keseluruhan perkhidmatan yang diinvoiskan kepada pelanggan merupakan nilai perkhidmatan.

- 16.2. Sekiranya perkhidmatan pengurusan dikendalikan oleh pihak ketiga, caj pengurusan, nilai tambahan (*mark-up*) atau margin keuntungan dikenakan cukai perkhidmatan jika syarikat dapat mengasingkan secara "*itemised*" nilai sebenar jenis-jenis perkhidmatan dalam invoice dan disertakan invoice dari pembekal untuk makluman kepada pelanggan.
- 16.3. Bagi syarikat yang gagal mematuhi para 16.2 atau menjalankan perkhidmatan secara '*package*', maka jumlah keseluruhan perkhidmatan termasuklah perkhidmatan yang diberikan oleh pihak ketiga perlu dikenakan cukai perkhidmatan.

PERAKAUNAN CUKAI PERKHIDMATAN UNTUK PERKHIDMATAN PENGURUSAN

17. Cukai perkhidmatan perlu diakaunkan oleh orang berdaftar kepada JKDM :
- (a) Pada masa pembayaran diterima; atau
 - (b) Pada hari berikutnya selepas tempoh 12 bulan daripada tarikh perkhidmatan pengurusan diberikan sekiranya tiada bayaran diterima.
18. Walau bagaimanapun mana-mana orang yang diberikan kelulusan oleh ketua pengarah untuk menggunakan asas terakru (*accrual basis*), cukai perkhidmatan hendaklah diakaunkan pada masa invoice dikeluarkan.

PENDAFTARAN DAN TANGGUNGJAWAB ORANG BERDAFTAR

19. Penyedia perkhidmatan pengurusan yang mempunyai jumlah perolehan bagi tempoh 12 bulan melebihi nilai ambang yang ditetapkan bagi perkhidmatan bercukai perlu berdaftar di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018.
20. Orang berdaftar bertanggungjawab untuk :
- (a) mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan yang bercukai;

- (b) mengeluarkan invoice dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh perkhidmatan diberi;
- (c) mengemukakan penyata cukai perkhidmatan SST-02 secara elektronik dan membayar cukai perkhidmatan sebelum tarikh matang; dan
- (d) menyimpan rekod yang sepatutnya.

Untuk maklumat lanjut mengenai pendaftaran, sila rujuk Panduan Umum Cukai Perkhidmatan.

SOALAN LAZIM

1. **S** : Syarikat mengenakan caj perkhidmatan pengurusan bersekali dengan semua perbelanjaan daripada pelanggan dengan nilai tambahan (*mark-up*) atas amaun yang telah dibayar kepada pihak ketiga. Adakah syarikat perlu mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perbezaan amaun tersebut?

J : Syarikat perlu mengenakan cukai perkhidmatan ke atas semua kos yang ditanggung oleh syarikat dalam pemberian perkhidmatan. Bagaimanapun, sekiranya syarikat dapat mengasingkan secara "*itemised*" nilai perkhidmatan sebenar amaun bayaran kepada pihak ketiga dalam invois dan disertakan invois dari pembekal untuk makluman kepada pelanggan, hanya nilai tambahan (*mark up*) dikenakan cukai perkhidmatan.

2. **S** : Syarikat saya telah menandatangani perjanjian pengurusan penyenggaraan bangunan dengan syarikat swasta untuk menyediakan perkhidmatan penyenggaraan, keselamatan dan pembersihan bangunan. Adakah saya perlu mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan pengurusan penyenggaraan bangunan kepada pelanggan saya?

J : Ya, perkhidmatan pengurusan penyenggaraan bangunan komersil adalah perkhidmatan pengurusan dan tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Walau bagaimanapun, jika perkhidmatan yang sama disediakan ke atas bangunan kediaman, perkhidmatan tersebut tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

3. **S** : **MZB Sdn Bhd (MZB) telah dilantik oleh sebuah bank swasta untuk mengurus dan memungut hutang belum dibayar oleh pelanggan kad kredit. MZB mengenakan yuran kepada bank swasta untuk perkhidmatan yang disediakan. Adakah yuran yang dikenakan oleh MZB bagi perkhidmatan tersebut tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**

J : Ya, caj pengurusan yang dikenakan oleh MZB Sdn Bhd ke atas perkhidmatan mengurus dan memungut hutang untuk bank tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

4. **S** : **Saya adalah orang berdaftar yang menyediakan perkhidmatan pengurusan penggudangan seperti penyenggaraan, penggudangan, penyimpanan, perkhidmatan pembungkusan serta perkhidmatan sewa gudang kepada Fairus Sdn Bhd. Adakah caj pengurusan penggudangan dan sewaan gudang dikenakan cukai perkhidmatan?**

J : Caj yang dikenakan ke atas perkhidmatan pengurusan penggudangan adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan, termasuk caj sewaan gudang jika perkhidmatan diberi sebagai satu pakej. Walau bagaimanapun, sekiranya pelanggan hanya mendapatkan perkhidmatan penggudangan sahaja, caj sewaan gudang adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

5. **S** : **Syarikat saya telah didaftarkan di bawah perkhidmatan pengurusan acara yang dilantik oleh sebuah syarikat filem tempatan untuk menguruskan promosi produk filem terkini kepada orang ramai. Syarikat saya juga menyediakan peralatan untuk sewaan seperti khemah / gerai dan sistem PA termasuklah pengacara majlis dan sekumpulan artis terkenal untuk**

memeriahkan suasana upacara promosi mengikut permintaan syarikat filem. Adakah caj yang dibilkan kepada syarikat filem untuk penyediaan perkhidmatan tersebut dikenakan cukai perkhidmatan?

- J : Yuran pengurusan acara tertakluk kepada cukai perkhidmatan, manakala caj sebenar sewaan yang dikenakan ke atas khemah, sistem PA, pengacara majlis dan artis tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan sekiranya diperincikan dalam invoice dan disertakan invoice asal dari pembekal. Walau bagaimanapun, jika perkhidmatan diberikan secara '*package*' maka amaun yang dikenakan sekaligus dalam invoice adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

PERTANYAAN

Untuk sebarang pertanyaan mengenai panduan ini sila hubungi :

Bahagian Cukai Dalam Negeri
Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Aras 5, Blok A, Menara Tulus,
No. 22, Persiaran Perdana, Presint 3,
62100 Putrajaya.

BANTUAN DAN MAKLUMAT LANJUT

Maklumat lanjut berkaitan cukai perkhidmatan boleh diperolehi daripada :

- i. Laman web MySST: <https://mysst.customs.gov.my/>
- ii. Pusat Panggilan Kastam :
 - Tel : 03-7806 7200 / 1-300-888-500
 - Faks : 03-7806 7599
 - E-mel : ccc@customs.gov.my